

# Kerajaan giat hasil tenaga kerja produktif

MARLINDA MARDZUKI

KUCHING, Rabu — Sarawak komited untuk meneroka potensi kognisi manusia, khususnya dalam membangunkan bakat dan kebolehan anak tempatan yang mampu menyumbang kepada pembangunan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah berkata, usaha itu dilihat bertepatan memandangkan SCORE bukan sahaja menjadi tulang belakang kepada industri di negeri tetapi juga di seluruh rantau Asia Tenggara.

Untuk itu, katanya, kerajaan melihat sains kognitif merupakan satu bidang penting untuk Sarawak maju ke hadapan dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pilihan yang kompetitif bagi pembangunan industri di rantau berkenaan.

"Ini kerana kita percaya sains kognitif dapat membantu meningkatkan produktiviti dan prestasi kerja anak-anak muda tempatan selain menarik bakat dan kebolehan daripada masyarakat di seluruh dunia.

"Apatih lagi, ketika ini kerajaan sedang mempergiatkan



**CENDERAMATA** ... Naib Canselor Unimas, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi menyampaikan cenderamata kepada Datuk Fatimah Abdullah pada perasmian Persidangan Antarabangsa Sains Kognitif (ICCS) 2013 Ke-9, di Kuching, semalam manakala gambar kecil, antara peserta yang menghadiri persidangan ICCS 2013. • SUZANNE EMPAM



usaha menghasilkan tenaga kerja yang produktif dan berkualiti tinggi dalam mencapai matlamat menjadi negeri maju menjelang tahun 2030," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa merasmikan majlis Persidangan Antarabangsa Sains Kognitif Kesembilan (ICCS ke 9) anjuran Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Persatuan Antarabangsa untuk Sains Kognitif di Hotel Pullman di

sini, hari ini. Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Datu Dr. Hatta Solhi dan Naib Canselor Unimas, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi. Mengulas mengenai majlis itu, Fatimah memberitahu ICCS sememangnya merupakan satu forum yang berperanan memberi sumbangan besar kepada pembinaan rangkaian dan hubungan antara universiti, agensi dan institusi tempatan

sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Datu Dr. Hatta Solhi dan Naib Canselor Unimas, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi.

Mengulas mengenai majlis itu, Fatimah memberitahu ICCS sememangnya merupakan satu forum yang berperanan memberi sumbangan besar kepada pembinaan rangkaian dan hubungan antara universiti, agensi dan institusi tempatan

lis itu, Fatimah memberitahu ICCS sememangnya merupakan satu forum yang berperanan memberi sumbangan besar kepada pembinaan rangkaian dan hubungan antara universiti, agensi dan institusi tempatan

dengan pihak antarabangsa dalam meneroka potensi sains kognitif.

Katanya, usaha itu harus diteruskan pada masa hadapan dalam memberi peluang kepada golongan berkenaan membincangkan hasil kajian dan pengetahuan mereka tentang kepentingan ilmu sains kognitif dalam kehidupan harian.

"Sebagai menteri yang bertanggungjawab dalam bidang pendidikan, saya menyarankan supaya ICCS ke 9 dilanjutkan dan diadakan pada masa hadapan demi kebaikan generasi muda seterusnya.

"Saya harap anda semua akan terus mendidik masyarakat lain tentang keajaiban kognisi manusia selain mewujudkan peluang dan cabaran untuk membolehkan ahli-ahli sains kognitif untuk meningkatkan pengetahuan dan penyelidikan tentang bagaimana otak manusia berfungsi," katanya.

Terdahulu, sebanyak 141 kertas kerja dan poster dari pelbagai aspek sains kognitif akan dibincang dan dikemukakan pada persidangan itu yang berlangsung selama empat hari, mulai 27 hingga 30 Ogos ini.